

4,009 penjawat awam dapat insentif RM5.5j

Georgetown: Seramai 4,009 penjawat awam di Pulau Pinang akan menerima bantuan khas kewangan gaji setengah bulan atau minimum RM1,000 yang mula akan dibayar Disember ini.

Berita baik itu disampaikan Ketua Menteri Pulau Pinang Chow Kon Yeow dalam ucapannya selepas memben-

tangkan Belanjawan 2021 negeri itu ketika Sidang Dewan Undangan Negeri (Dun) yang bermula semalam.

Kon Yeow berkata, pemberian bantuan khas kewangan membabitkan peruntukan RM5.5 juta itu diberi bagi menghargai jasa penjawat awam yang menyumbang perkhidmatan terbaik mereka terhadap pentadbiran negeri.

“Adalah diharapkan bayaran bantuan khas kewangan ini meningkatkan sama-

ngat untuk memberi perkhidmatan yang lebih cemerlang lagi di tahun akan datang.

“Penjawat awam tulang belakang kepada semua perancangan, pelaksanaan dasar dan pembangunan negeri,” katanya.

Dalam pada itu, Kon Yeow juga mengumumkan pemberian bantuan RM300 kepada 1,587 penyelia dan guru Kelas Al-Quran dan

Fardu Ain (Kafa) manakala 320 guru tahfiz, pondok dan Tadris menerima RM200 yang semuanya membabitkan peruntukan berjumlah RM898,000.

“Bayaran dibuat pada Disember nanti,” katanya.

Sementara itu, Kon Yeow menghargai serta berterima kasih kepada seluruh pekerja barisan hadapan yang bertungkus-lumus membendung penularan pandemik Covid-19.



KON Yeow